

PERISTILAHAN BAHASA MELAYU: SATU KAJIAN SIKAP

Halimah Haji Ahmad

Abstrak

Korpus peristilahan bahasa Melayu menunjukkan bahawa kini, sejumlah 649 568 entri istilah (tidak termasuk 123 885 istilah MABBIM) telah berjaya dihasilkan (*Berita Peristilahan:1998*). Langkah pembentukan istilah yang terkandung dalam buku *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu* (DBP:1992) mensyaratkan istilah harus dibentuk pertama-tamanya daripada perbendaharaan kata umum bahasa Melayu sendiri, kedua, perbendaharaan kata bahasa serumpun dengan bahasa Melayu, ketiga, perbendaharaan kata bahasa asing terutama kata daripada sumber bahasa Inggeris, dan keempat, perbendaharaan kata daripada bahasa-bahasa yang lain.

Namun begitu, kecenderungan untuk menerima apa-apa yang disarankan atau yang disajikan oleh para perancang istilah tersebut, tidak semestinya dapat diterima bulat-bulat oleh para pengguna istilah. Akhirnya, para penggunalah yang akan menentukan istilah-istilah yang ingin digunakan oleh mereka. Kertas ini akan memaparkan 10 jenis sikap pengguna terhadap istilah-istilah yang telah dihasilkan melalui kaedah yang dicadangkan oleh para perancang bahasa tersebut. Dapatan kajian diharap dapat membantu kita menilai usaha-usaha membina istilah-istilah dalam bahasa Melayu pada masa hadapan.

Abstract

At present, the Malay language terminologies corpus shows that, an amount of 649 568 terminology entries (not including 123 885 MABBIM

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Prof. Emeritus Dato' Dr. Hajah Asmah binti Haji Omar yang telah menyelia kajian ini.

terminologies) had been successfully produced. (Berita Peristilahan: 1998). Steps in formation of terminologies that can be found in the book Pedoman Umum Pembentukan Istilah Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (DBP: 1992) demanded that terminologies should be initially formed from the main/general Malay language vocabulary itself, secondly, the vocabulary from the same cluster with the Malay language, thirdly, the vocabulary from the foreign language especially from the English language source and fourthly, the vocabulary from the other languages.

Nevertheless, the tendency of receiving whatever that had been served or proposed by the terminological planners would not be fully accepted by the users of the terminologies. In the end, the users would be the one who will determine the terms they want to use. This paper will spread out 10 types of users' language attitude towards terminologies that had been produced through the method suggested by the language planners. The findings will hopefully assist us in the efforts of building Malay language terminologies in future.

PENDAHULUAN

Keperluan terhadap istilah dalam pelbagai bidang ilmu memang tidak dapat dinafikan. DBP akan terus berusaha menyediakan istilah dalam pelbagai bidang ilmu dan keperluan semasa. Melalui Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) sejumlah bidang ilmu yang lebih praktis sifatnya akan menjadi agenda utama kerja-kerja peristilahan dalam tempoh lima tahun yang akan datang. Namun begitu, maklum balas terhadap penggunaan istilah tersebut dari aspek sikap pengguna masih belum banyak dilakukan. Kajian yang melibatkan sikap pengguna terhadap lexis khusus ini merupakan satu usaha untuk menilai pembabitian MABBIM dalam usaha menyediakan korpus ini.

DEFINISI SIKAP BAHASA

Istilah merupakan salah satu unsur bahasa. Sikap terhadap bahasa boleh dilakukan mengikut pendekatan yang diberikan oleh ahli-ahli psikologi sosial kerana bidang bahasa juga berkaitan dengan tingkah laku manusia dalam hubungan sosialnya. Oleh itu, pendekatan sikap bahasa secara penilaian keadaan mental yang positif, negatif, atau neutral terhadap bahasa boleh dilakukan.

Fasold (1984) menjelaskan bahawa setengah-setengah kajian tentang sikap bahasa boleh dilakukan dengan meminta responden atau subjek kajian memberikan pendapat mereka tentang ciri-ciri sesuatu bahasa.

“Subjek dalam kajian ini ditanya pendapat mereka tentang keragaman sesuatu bahasa, sama ada ‘kaya’, ‘indah’, ‘buruk’, ‘merdu’, ‘kasar’, dan sebagainya.” (1984:148)

Melalui keterangan Fasold di atas, maka penilaian terhadap sesuatu bahasa itu boleh dilihat sama ada ia mempunyai ciri kaya, miskin, indah, hodoh, kasar, lemah lembut, dan sebagainya mengikut pendapat dan perasaan pengguna bahasa tersebut. Jika analisis dilakukan terhadap pendapat dan perasaan pengguna bahasa tersebut, maka kajian tentang sikap yang positif dan negatif terhadap sesuatu bahasa itu boleh dilakukan.

Asmah Haji Omar (1993) melihat sikap juga sebagai gejala mental yang menggambarkan keadaan minda individu. Dalam kajian yang dilakukan oleh Asmah tentang sikap terhadap pekerjaan, beliau mendefinisikan sikap sebagai:

“... keadaan fikiran individu yang bukan sahaja berhubung dengan orang lain, tetapi juga berhubung dengan dirinya sendiri. Sikap boleh positif, negatif, atau neutral.” (1993:1)

Definisi yang diberikan oleh Asmah jelas menunjukkan bahawa sikap ialah “keadaan minda” seseorang individu. Sikap boleh berkaitan dengan orang lain dan juga dengan diri individu itu sendiri. Sikap boleh positif, negatif, dan neutral. Sikap positif lahir bersama-sama fikiran yang positif. Sikap yang positif juga menghasilkan kesan yang positif. Begitu juga sebaliknya. Sikap, menurut Asmah, merupakan aktiviti mental yang dapat diukur dengan penilaian yang positif, negatif atau neutral.

Asmah juga berpendapat bahawa sikap boleh dilihat berdasarkan “... fikiran atau perasaan individu terhadap sesuatu atau seseorang” (1992:118) yang berlaku di sekeliling mereka. Oleh itu, sikap juga boleh lahir daripada cara individu melahirkan perasaan dan fikiran terhadap sesuatu atau seseorang.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berdasarkan kajian sikap individu bukan mewakili sesuatu golongan penutur bahasa terhadap istilah-istilah dalam bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan istilah-istilah yang terdapat dalam buku

Pengurusan Organisasi oleh Ahmad Atory Hussein. Buku ini dipilih kerana bidang pengurusan mudah difahami oleh responden berdasarkan keterlibatan dan pengalaman mereka dalam bidang “pengurusan” dan “organisasi”. Responden dapat bertindak sebagai pengurus pada dirinya sendiri dan sekali gus pada lingkungan organisasinya.

Oleh yang demikian, dengan mudah responden dapat memahami istilah-istilah Pengurusan Organisasi yang digunakan dalam buku ini kerana istilah-istilah ini tidak asing dalam kerjaya dan tanggungjawab pengurusan dan organisasi responden. Begitu juga pemahaman akan istilah-istilah ini kepada penyelidik. Data kajian dipilih daripada sebuah buku sahaja kerana yang dipentingkan ialah istilah-istilah yang digunakan oleh penulis berserta ayat contohnya. Buku setebal 226 halaman dengan 18 subtajuk dapat membekalkan sejumlah 148 istilah yang diperlukan oleh penyelidik untuk dijadikan data kajian bagi mengelicit sikap responden. Istilah-istilah dalam buku ini dibentuk pertama-tamanya daripada perbendaharaan kata umum bahasa Melayu sendiri, kedua, perbendaharaan kata bahasa serumpun dengan bahasa Melayu, ketiga, perbendaharaan kata bahasa asing, terutama kata daripada sumber bahasa Inggeris, dan keempat, perbendaharaan kata daripada bahasa-bahasa yang lain.

Kajian ini telah melibatkan 18 orang responden termasuk pengarang buku *Pengurusan Organisasi* sendiri. Mereka terdiri daripada 12 orang lelaki dan enam orang perempuan yang mewakili golongan bumiputera (penutur asli bahasa Melayu) dan bukan bumiputera (bukan penutur asli). Responden bumiputera yang terlibat ialah 10 orang; dan lapan responden bukan bumiputera yang terdiri daripada tiga responden Cina, tiga responden India, satu responden bangsa Jerman tetapi sudah 17 tahun tinggal di London, dan bahasa Inggeris merupakan bahasa keduanya, dan seorang responden bahasa Inggeris.

Responden bumiputera diperlukan untuk menilai sikap mereka terhadap perubahan bahasa ibunda mereka yang telah mengalami inovasi leksis. Responden bukan penutur asli dipilih untuk memberikan penilaian terhadap keupayaan dan kelincahan bahasa Melayu yang merupakan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia dalam memperkatakan konsep-konsep khusus dalam pelbagai bidang seperti Pengurusan Organisasi.

Responden berbangsa Inggeris dan Jerman dipilih untuk menilai sikap mereka terhadap kerelaan bahasa Melayu meminjam bentuk-bentuk leksis, bahasa Indo-Eropah dalam mengungkapkan konsep-konsep yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu.

Kedua-dua responden penutur asing bahasa Melayu tersebut di atas bertugas di *School of Oriental and African Studies, Universiti of London*, dalam bidang bahasa dan budaya Melayu dan Indonesia.

Secara kebetulan, kedua-dua responden ini bertugas di Kuala Lumpur semasa kajian ini dijalankan. Seorang responden bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka selama setahun sebagai penulis tamu, manakala rakannya bertugas di Pusat Bahasa, Universiti Malaya selama dua minggu sebagai pemeriksa luar bagi kursus terjemahan.

Dari segi golongan, responden terdiri daripada 10 golongan akademik (yang bertugas sebagai pensyarah) daripada pelbagai disiplin ilmu seperti sejarah, ekonomi, terjemahan dan interpretasi, bahasa Inggeris, pengajian India, geografi, pengajian Melayu dan budaya Melayu.

Golongan bukan akademik (yang tidak berkhidmat sebagai pensyarah) terdiri daripada lapan responden, daripada pelbagai tugas dan tanggungjawab pengurusan seperti pegawai penyelidikan terjemahan berkomputer, pentadbir, pengurus, penterjemah Cina-Melayu, penyusun kamus dwibahasa Inggeris-Melayu, peguam dan usahawan yang pada satu ketika pernah berkhidmat sebagai perancang bahasa.

Kajian ini merupakan kajian awal tentang sikap bahasa terhadap istilah, maka pemilihan responden-responden tersebut dilakukan secara rawak dan pengkhususan bidang boleh pelbagai, asalkan responden terlibat dalam bidang pengurusan sesuai dengan skop bidang yang dipilih. Yang penting dalam kajian ini ialah persepsi dan sikap responden terhadap istilah-istilah yang digunakan dalam buku *Pengurusan Organisasi* ini.

Semua responden yang terlibat mempunyai pengetahuan tentang pembinaan dan pengembangan peristilahan bahasa Melayu khususnya dan bahasa Melayu amnya.

Penggunaan istilah berkait rapat dengan konteks ilmunya atau konteks wacana yang menampungnya, maka istilah-istilah ini telah dibekalkan kepada responden berserta dengan konteks-konteks yang menampungnya. Oleh itu, ayat-ayat contoh dipetik daripada buku ini, telah dikemukakan dengan menggunakan program konkordans korpus bahasa berkomputer Dewan Bahasa dan Pustaka.

Setelah semua data disediakan, langkah yang selanjutnya adalah untuk mendapatkan pandangan dan pendapat daripada pengarang buku dan responden yang terlibat. Tiga kaedah disediakan atas permintaan responden kerana ada antara responden yang berminat, dan selesai dengan mengisi borang soal selidik daripada ditemu ramah dan memberi ulasan bertulis terhadap senarai istilah yang dikemukakan.

Oleh itu, penyelidik telah menemu ramah 12 responden daripada golongan akademik dan bukan akademik. Manakala tiga responden memilih untuk melahirkan pendapat mereka secara bertulis berdasarkan senarai istilah yang diberikan dan dua responden berminat untuk memberikan alasan terhadap istilah berdasarkan borang soal selidik sikap. Tempoh kajian bagi ketiga-tiga kaedah di atas mengambil masa selama empat bulan.

Bagi responden yang ditemu ramah, tempoh temu ramah mengambil masa antara 35 minit hingga 60 minit. Pertanyaan yang dikemukakan sengaja berbentuk provokatif dan terbuka dalam skop *sikap bahasa*, supaya responden dapat memberikan pendapat mereka yang sebenar pada ketika itu juga secara semula jadi sifatnya.

Kaedah temu ramah lebih digemari oleh responden kerana 10 daripada 12 responden, kecuali responden luar negara, mengenali penyelidik lebih daripada setahun. Ini menyebabkan mereka lebih selesa untuk memberikan pendapat secara jujur dan bersahaja kerana perhubungan ini. Pengalaman ini sesuai dengan pendapat Agheyisi dan Fishman, berkenaan dengan salah satu kebaikan kaedah temu ramah ini, iaitu:

“Hubungan peribadi membolehkan penemu ramah memfokuskan perhatian responden terhadap dimensi yang diinginkan, dengan itu ia memberikan peluang yang lebih baik untuk mendapatkan respons yang jujur dan serius. *Dan penyelidik juga lebih berupaya menaksir dan mempengaruhi perasaan hati responden sekali gus mengurangkan kebosanan dan kejengkelan*” (1970:149)

Walau bagaimanapun, penyelidik menghadapi masalah semasa menemu ramah kerana responden lebih berminat untuk memberikan pendapat mereka terhadap istilah-istilah keinggerisan atau istilah pinjaman daripada memberikan ulasan setiap istilah bagi setiap kategori yang dikemukakan.

Bagi mengetahui sikap responden melalui kaedah soal selidik secara tertutup (hanya melibatkan dua responden), penyelidik telah memberikan tujuh alasan dan satu alasan bebas daripada responden sendiri terhadap kategori istilah pinjaman secara transkripsi dan penyesuaian akhiran asing.

Bagi responden yang memilih untuk menyatakan pendapat mereka secara ulasan bertulis (hanya melibatkan empat responden) bebas memberikan pendapat dan alasan mereka terhadap bentuk istilah-istilah yang dikemukakan, berserta ayat contoh yang dibekalkan.

Setiap kaedah di atas diberikan penerangan secara lisan tentang tujuan kajian, skop kajian dan metodologi kajian dan peri pentingnya kajian oleh penyelidik terlebih dahulu, tidak kira yang manakah pilihan responden.

Pada peringkat penerangan ini penyelidik sebenarnya telah dapat meneka yang responden akan bersikap positif, negatif atau bersikap neutral melalui lambang paralinguistik, atau pernyataan prasikap responden, tetapi melalui contoh-contoh istilah yang dikemukakan, barulah kesahan sikap dapat ditentukan.

KAEDAH ANALISIS

Semua pandangan dan perasaan responden melalui ketiga-tiga kaedah pemerolehan data yang menjadi pilihan responden di atas, kemudiannya dianalisis. Sebelum itu, dapatan temu ramah ditranskripsikan terlebih dahulu. Pandangan pengarang juga diambil kira.

Pertama, analisis dibuat dengan menyenaraikan semua pandangan dan perasaan yang menggambarkan keadaan fikiran responden. Melalui penyenaian ini, didapati ada persamaan dan perbezaan keadaan fikiran responden antara satu golongan dengan golongan yang lain dan antara penutur asli dengan bukan penutur asli terhadap istilah dalam bahasa Melayu. Oleh sebab itu, penganalisan sebaik-baiknya menggunakan kaedah kualitatif, bukan kuantitatif. Pandangan dan perasaan yang sama dan yang berbeza antara seorang responden dengan responden yang lain disatukan supaya memudahkan penganalisan sikap dibuat.

Pada peringkat ini, beberapa jenis sikap telah dapat ditentukan, tetapi hanya dengan menganalisis setiap pandangan dan perasaan responden yang berdasarkan sikap linguistik terhadap istilah dan sikap bukan linguistik, barulah tahap kedua analisis menentukan jenis-jenis sikap dapat dikenal pasti. Yang dimaksudkan dengan sikap linguistik dalam konteks ini ialah sikap terhadap peranan penambahan dalam bahasa Melayu, kemampuan leksikal bahasa Melayu dan bahasa asing, peranan penyempitan makna dan peluasan makna dalam terjemahan, variasi bahasa, sejarah bahasa, analogi bahasa dan sebagainya. Sikap bukan linguistik pula misalnya, peranan pakar bidang dalam mentafsirkan konsep, usaha untuk memajukan diri, sikap menurut bimbingan dan sebagainya.

Kedua, analisis dilakukan dengan melabelkan jenis-jenis sikap sesuai dengan pandangan dan perasaan responden. Penentuan jenis sikap adalah berdasarkan sikap linguistik dan sikap bukan linguistik seperti yang dinyatakan di atas sebagai alasan atau ciri-ciri terhadap sikap-sikap tersebut. Oleh yang demikian, penyelidik telah mengenal pasti 10 jenis sikap sesuai dengan pandangan dan perasaan responden.

Ketiga, menganalisis jenis-jenis sikap yang telah ditentukan itu: yang

mana yang menunjukkan sikap yang positif dan yang mana sikap yang negatif. Penilaian arah kepositifan dan kenegatifan bagi sikap-sikap tersebut juga diberikan.

Keempat, menganalisis peraturan bagi 10 jenis sikap tersebut dilakukan untuk menunjukkan peratusan yang bersikap positif terhadap istilah daripada bahasa sendiri atau bersikap positif terhadap bahasa asing. Analisis ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada responden bersikap positif atau negatif terhadap morfem bahasa yang membentuk sesuatu istilah.

DAPATAN KAJIAN

Setelah hasil kajian dikumpulkan, penyelidik telah memberikan pelabelan terhadap sikap-sikap yang dilahirkan oleh responden. Penyelidik telah mengenal pasti 10 jenis sikap yang menggambarkan *keadaan fikiran responden* terhadap istilah dalam bidang **Pengurusan Organisasi** seperti yang berikut:

- (1) sikap yakin terhadap bahasa sendiri
- (2) sikap liberal terhadap kata pinjaman
- (3) sikap adaptif terhadap bahasa
- (4) sikap kerdilan bahasa
- (5) sikap memihak kepada istilah pinjaman
- (6) sikap toleransi terhadap istilah
- (7) sikap gah
- (8) sikap defensif
- (9) sikap menurut bimbingan
- (10) sikap acuh tak acuh

1. Sikap Yakin terhadap Bahasa Sendiri

Kamus Dewan (1994:1554) menerangkan makna **yakin** sebagai “betul-betul percaya (tentang kebenaran, kemampuan dan lain-lain sesuatu atau seseorang), tidak ragu-ragu (syak) lagi pasti benar”. **Sikap yakin** dalam data menunjukkan sikap yang mempercayai **kemampuan** bahasa Melayu untuk dijadikan istilah. Sikap terhadap bahasa sendiri disokong oleh data kajian seperti yang berikut:

- Contoh (1) : Bahasa Melayu juga bahasa yang kaya
Contoh (2) : Jangan ambil bahasa Inggeris, walaupun bahasa Inggeris itu bahasa antarabangsa.

- Contoh (3): Bahasa Melayu itu terlalu banyak meminjam daripada bahasa Inggeris perkataan yang sudah ada dalam bahasa Melayu.
- Contoh (4): *The B.M. is so rich in affix, so we should exploit this fact*
- Contoh (5): *... and there is no real loss of information*
- Contoh (6): *A result of this is the enrichment of our B.M.*

Responden berpendapat bahawa bahasa Melayu juga kaya dengan kosa kata yang boleh diambil daripada bahasa-bahasa yang sekeluarga dengan bahasa Melayu atau daripada dialek dalam bahasa Melayu sendiri, seperti yang terdapat pada Contoh 1.

Sikap yakin terhadap bahasa sendiri menunjukkan sikap bahasa yang positif terhadap kemampuan bahasa sendiri. Implikasi sikap **yakin** akan menghasilkan istilah-istilah dalam bahasa Melayu sendiri. Sebagai penutur bahasa Melayu, penyelidik berasa bangga dengan penghasilan ini seperti yang dinyatakan pada Contoh 6.

2. Sikap Liberal terhadap Kata Pinjaman

Berdasarkan contoh kajian, **sikap liberal terhadap kata pinjaman** merupakan sikap yang terbuka tanpa had terhadap kemasukan kata-kata daripada bahasa Inggeris dalam peristilahan bahasa Melayu. Tanpa had dalam konteks **sikap liberal** ini merujuk kepada penggunaan istilah bahasa Inggeris dalam semua kehidupan, terutama dalam bidang kehidupan golongan profesional.

Sikap liberal tidak menunjukkan pertimbangan mana istilah yang harus dipinjam dan mana istilah yang perlu diambil daripada bahasa sendiri. Dengan perkataan lain, semua istilah harus dipinjam dan dijadikan istilah Melayu. Persoalan kebanggaan linguistik bagi masyarakat penutur dan negara tidak menjadi soal dan tidak wujud sama sekali. Sikap seperti ini diperlukan kerana alasan-alasan seperti yang diberikan di bawah ini:

2.1. Kemajuan Diri

Contoh 7 : Satu dunia dah pakai dah! Janji kita maju, mudah untuk mengalirkan ilmu pengetahuan.

Contoh 7 menunjukkan penggunaan kata pinjaman dikaitkan dengan kemajuan diri. Kemajuan diri individu dikaitkan dengan ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan pula dikaitkan dengan bahasa

yang mengungkapkan ilmu-ilmu tersebut yang diwakili oleh istilah-istilah sebagai alat penghantar ilmu. Kita tidak dapat menghalang ledakan ilmu pengetahuan. Oleh yang demikian, **sikap liberal terhadap kata pinjaman** diperlukan bagi menguasai ilmu pengetahuan. Oleh sebab ilmu pengetahuan banyak yang diungkapkan dalam bahasa Inggeris, mahu tidak mahu kita harus menguasai bahasa Inggeris juga. **Janji kita maju** seperti pada ungkapan Contoh 7. Membangunkan bahasa bererti membangunkan ilmu dan membangunkan diri orang yang menguasai ilmu tersebut.

Perkataan **satu dunia** dalam Contoh 7 menunjukkan ciri keantarabangsaan dalam sikap liberal diutamakan. Ini menunjukkan bahasa lain juga mengetepikan istilah daripada bahasa sendiri jika istilah-istilah itu tidak mampu mengungkapkan ilmu. Cara ini merupakan petanda sikap **liberal terhadap kata pinjaman** supaya kita menjadi maju.

Banyak ilmu yang belum tercipta dalam bahasa Melayu lagi. Buktinya pada Contoh 8 di bawah ini:

Contoh 8 : Teknologi moden, istilah-istilahnya tak payah cari dari kata-kata Melayu. Pinjam sahaja. Bina untuk masa depan.

Bidang Sains dan Teknologi merupakan ilmu moden. Tidak ada istilah yang terungkap dalam bahasa Melayu kerana bukan bahasa Melayu yang mencipta ilmu ini. Oleh itu, tidak perlu membuang masa mencari istilah-istilah dalam khazanah bahasa Melayu. Ungkapan **pinjam sahaja** pada Contoh 8 menunjukkan **sikap liberal** yang diperlukan demi membina masa depan.

2.2 Tidak Membahayakan

Contoh 9 : Masyarakat tetap juga meminjam istilah seperti hos, glamor. DBP tak boleh halang. Bukan nak mati kalau tak pakai, lebih baik pakai.

Contoh 9, jelas menunjukkan **sikap liberal** terhadap penggunaan kata pinjaman tanpa had. Perbandingan dengan kata **mati** dalam Contoh 9 menunjukkan penggunaan kata pinjaman tidak membahayakan dan tidak memberi sebarang kesan. Penggunaan kata pinjaman bukannya boleh menamatkan riwayat hidup

seseorang. Barangkali responden ingin menyatakan oleh sebab tidak **mati**, lebih baiklah menggunakan kata-kata pinjaman, sekurang-kurangnya ada alat untuk meneruskan komunikasi daripada mencari-cari kata-kata daripada bahasa sendiri.

2.3 Keperluan Golongan Profesional

Contoh 10 : Kumpulan perubatan, dia tak peduli. Dia pakai komplikasi, infeksi. Antara profesional yang mengimport tanpa rasa bersalah ialah 'medical'.

Contoh 10, menunjukkan **sikap liberal terhadap kata pinjaman** diamalkan oleh golongan profesional seperti dalam bidang perubatan. Golongan ini **mengimport** kata-kata pinjaman dengan **tanpa rasa bersalah**. Istilah-istilah pinjaman boleh sahaja ditranskripsikan. Akhiran asing **-sion** menjadi **-si** seperti yang diberikan oleh Contoh 10 menunjukkan **sikap yang liberal** kerana konsep itu tidak ada dalam bahasa Melayu sedangkan istilah-istilah itu amat diperlukan oleh bidang profesional.

2.4 Memudahkan Komunikasi

Contoh 11 : Alat komunikasi kita tu sebaiknya alat yang orang juga gunakan.

Contoh 11, menunjukkan **sikap liberal** diperlukan untuk memudahkan komunikasi antara satu bahasa dengan bahasa yang lain. Penggunaan istilah yang berbeza antara satu bahasa dengan bahasa yang lain hanya akan menghalang kelicinan komunikasi. Oleh itu, untuk mendapatkan alat yang sama, maka sebaik-baiknya **bersikap liberal** kerana konsep itu tidak ada dalam bahasa Melayu sedangkan istilah-istilah itu amat diperlukan oleh bidang profesional.

2.5 Memudahkan Terjemahan Berkomputer

Contoh 12 : Kalau kita nak cipta sistem komputer terjemahan, bukankah senang?

Contoh 12, menunjukkan istilah yang sama antara satu bahasa dengan bahasa yang lain dapat membantu pengkomputeran bahasa. **Sikap liberal terhadap kata pinjaman** membantu teknologi pengkomputeran bahasa kerana istilah-istilahnya lebih banyak persamaan daripada perbezaan. Ungkapan ayat tanya **bukankah**

senang? dalam Contoh 12 memberitahukan jawapan tentang untungnya **bersikap liberal** kerana membantu pengecaman istilah dalam teknologi tersebut dan juga mencari jalan mudah.

2.6 Istilah Pinjaman Tetap Istilah Melayu

Contoh 13 : Tentang Melayu dah pinjam jadi Melayulah, apa yang susah sangat?

Contoh 13, membuktikan **sikap liberal terhadap kata pinjaman** juga mengambil kira kebanggaan linguistik masyarakat penutur dan negara. Ungkapan **dah pinjam jadi Melayulah** memerlukan keliberalan dan kesanggupan menerima istilah-istilah kata pinjaman itu dengan hati yang terbuka sebagai istilah Melayu.

Ungkapan **apa yang susah sangat** dalam Contoh 13 menunjukkan **sikap liberal** tidak memikirkan hal-hal yang remeh-temeh kerana persoalan Melayu atau bukan Melayu tidak menjadi masalah. Yang penting hendak menggunakan istilah. Apabila telah terbiasa dengan penggunaan istilah-istilah ini, lama-kelamaan akan terasa Melayunya. Sebagai contoh istilah komputer dan sebagainya telah pun dianggap sebagai istilah bahasa Melayu.

3. Sikap Adaptif terhadap Bahasa

Berdasarkan contoh kajian, **sikap adaptif** sememangnya mempengaruhi responden. **Sikap adaptif** ini telah dapat menunjukkan beberapa perkara yang berkaitan dengan bahasa Melayu seperti yang berikut:

3.1 Menginsafi Sejarah Bahasa Melayu

Contoh 14 : Ada sesuatu perkataan dalam bahasa Melayu yang boleh digunakan, tetapi dalam keadaan tertentu bila istilah tidak ada dalam bahasa Melayu.

Contoh 15 : Kita pinjam dan ubahsuai, saya rasa kita boleh buat macam itu, tidak salah.

Contoh 14, menerangkan bahawa ada bidang dalam bahasa Melayu yang mempunyai istilah dari dalam bahasanya sendiri dan ada bidang yang tidak mempunyai istilah. Oleh sebab itu, banyak bidang ilmu yang tidak mempunyai istilah, maka ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu tidak diberi peluang menjadi penghantar atau alat pendukung ilmu sejak bidang-bidang ilmu tersebut

diperkenalkan kepada masyarakat Melayu. Ungkapan **dalam keadaan tertentu** pada Contoh 14 menunjukkan pada satu tempoh masa tertentu bahasa Melayu telah disisihkan daripada terlibat bersama-sama membina korpus daripada bahasanya sendiri, walaupun pada satu ketika, bahasa Melayu dapat melaksanakan fungsinya sebagai bahasa keilmuan terutama dalam bidang falsafah dan agama Islam.

Contoh 15, menunjukkan kekurangan itu boleh diatasi. Istilah yang tidak ada boleh dibentuk melalui kaedah adaptif dengan cara pentranskripsian. Ungkapan **kita pinjam dan ubahsuai** dalam Contoh 15 jelas menunjukkan **sikap adaptif**. Perbezaan kecil dari segi pewujudan fonologis dan grafemis bagi istilah yang sudah universal yang diambil alih daripada bahasa peminjam sedikit pun tidak menjadi halangan kepada responden.

3.2. Proses Analogi Bahasa

Contoh 16 : Peminjaman memang berlaku pada mana-mana bahasa.

Contoh 16, membuktikan **sikap adaptif** diamalkan oleh semua bahasa, memandangkan semua bahasa di dunia ini melakukan peminjaman antara bahasa. **Ungkapan berlaku pada mana-mana bahasa** pada Contoh 16 menunjukkan satu analogi bahasa, yakni ada persamaan antara satu bahasa dengan bahasa yang lain dalam hal peminjaman. Semua bahasa di dunia ini mengamalkan peminjaman sebagai jalan mudah untuk mendapatkan istilah bagi bahasanya. Setiap bahasa di dunia ini tidak akan memiliki semua istilah bagi semua bidang kehidupan yang diperlukannya. Pinjam-meminjam antara satu bahasa dengan bahasa yang lain telah pun berlaku untuk sekian lamanya.

3.3 Perbandingan dengan Bahasa Lain

Contoh 17 : Bahasa Jepun juga meminjam daripada bahasa Inggeris.

Contoh 17, menunjukkan **sikap adaptif** yang berlaku pada bahasa Jepun. Ungkapan **bahasa Jepun** digunakan untuk memberi keyakinan bahawa bahasa dari negara yang maju juga sebenarnya bersedia menyesuaikan istilah-istilahnya daripada bahasa-bahasa lain umpamanya bahasa Inggeris.

3.4 Perubahan Bahasa Menurut Keadaan

Contoh 18 : Bahasa Melayu itu semestinya senantiasa dapat menyesuaikan diri dengan keadaan yang berubah-ubah.

Contoh 18, jelas menyarankan bahasa Melayu semestinya dapat menangani perubahan di sekelilingnya pada bila-bila masa yang diperlukan. Ungkapan **menyesuaikan diri** membuktikan yang responden terus terang menghendaki penutur bahasa Melayu **bersikap adaptif** pada masa yang diperlukan.

4. Sikap Kerdilan Bahasa

Sikap kerdilan bahasa dalam data kajian ini merujuk kepada ketidakupayaan kata-kata bahasa Melayu bertindak sebagai istilah-istilah yang khusus dalam pelbagai bidang ilmu. **Kerdilan** tersebut dapat dijelaskan seperti di bawah ini.

4.1 Bahasa Melayu Lemah dan Serba Kurang

“Bahasa Melayu lemah dan serba kurang” merupakan petanda **kerdilan bahasa**. Bagi **sikap kerdilan bahasa** kelemahan dan kekurangan itu merujuk kepada penilaian terhadap kata-kata dalam bahasa Melayu yang tidak dapat memenuhi kriteria ketetapan makna dalam sesuatu bidang ilmu tertentu seperti pada contoh-contoh di bawah ini:

Contoh 19 : Tidak dapat mencari istilah dalam bahasa Melayu

Contoh 20 : Konsepnya berbeza dengan konsep orang Melayu

Contoh 21 : Tidak ada perkataan bahasa Melayu yang tepat

Contoh 19, 20, dan 21 menunjukkan dengan jelas sikap **kerdilan bahasa**. Ungkapan **tidak dapat** dalam Contoh 19 dan **tidak ada** dalam Contoh 21 menunjukkan manifestasi **kerdilan bahasa** dari segi jumlah kata yang ada dalam bahasa Melayu dan ketidakcukupan makna dalam istilah-istilah Melayu seperti mana yang terkandung dalam istilah bahasa peminjam.

Oleh yang demikian, menterjemahkan istilah tidak merupakan usaha yang digemari oleh responden, kerana responden berpendapat menterjemahkan istilah tidak dapat menghasilkan terjemahan yang tepat seperti contoh di bawah ini.

Contoh 22 : Nak dipindah ke dalam bahasa Melayu takut lain maknanya

Contoh 23 : Makna kabur jika diterjemahkan

Contoh 22 dan 23 menunjukkan **kerdilan bahasa Melayu** kerana responden mendapati kata-kata yang dipilih sebagai istilah tidak dapat memberikan makna yang tepat untuk menghasilkan terjemahan yang sejadi, yakni semua maklumat yang ada pada bahasa peminjam dapat diserapkan ke dalam bahasa Melayu. Ungkapan **takut lain maknanya** pada Contoh 22 dan **makna kabur** pada Contoh 23 menunjukkan responden sangat berhati-hati tentang ketepatan makna semasa menterjemahkan istilah. Bahasa Melayu dikatakan kerdil kerana kekurangan dan kelemahan dari segi makna yang ada padanya.

4.2 Istilah Pinjam Terjemah Mengelirukan

Walaupun usaha untuk mencari kata dari dalam bahasa Melayu tidak pernah diabaikan namun usaha tersebut sering membawa kegagalan kerana kata-kata yang diharap dapat memberikan makna yang jelas gagal berfungsi malah mengelirukan sahaja. Contoh 24 membuktikannya:

Contoh 24 : Bila kita menterjemah cari istilah, cari istilah Melayu sungguh mengelirukan

Contoh 24, menunjukkan **kerdilan** pada kata dalam bahasa Melayu yang dipilih untuk dijadikan istilah. Kata-kata yang dipilih melalui kaedah pinjam terjemah biasanya mengelirukan kerana pengguna telah biasa dengan makna yang umum bagi kata tersebut. Ungkapan **sungguh mengelirukan** dalam Contoh 24 dengan jelas menunjukkan kata umum yang diangkat tarafnya menjadi istilah sama ada melalui penyempitan makna atau peluasan makna nampaknya hanya mendatangkan kekeliruan dan menghilangkan minat responden sama sekali.

5. Sikap Memihak kepada Istilah Pinjaman

Ada dua cara pembentukan istilah, yakni sama ada menggunakan unsur-unsur yang ada dalam bahasa sendiri atau menggunakan kata-kata dari bahasa asing, sama ada bahasa Inggeris atau bahasa dari rumpun Indo-Eropah yang lain. Dalam kajian ini bahasa Inggeris yang diutamakan.

Sikap memihak kepada istilah pinjaman terutamanya istilah daripada bahasa Inggeris adalah akibat daripada **kerdilan bahasa**. Penutur bahasa

Melayu perlu mencari alternatif lain supaya komunikasi keilmuan dapat diteruskan. Kata terbitan **memihak** mengikut definisi kamus ialah “menyebelahi salah satu pihak”, “memasuki salah satu kumpulan atau golongan”. **Sikap memihak kepada istilah pinjaman** disebabkan penilaian yang positif terhadap bahasa yang dipinjam berbanding dengan bahasa sendiri.

Responden memilih untuk memihak kepada bahasa Inggeris kerana sebab-sebab tertentu seperti yang akan dibincangkan di bawah ini.

5.1 Cara Termudah Memperoleh Istilah

Contoh 25 : Secara umum, saya lebih suka menggunakan istilah keinggerisan ini kerana ia menjimatkan masa – dengan mudah dan cepat saya dapat menterjemah.

Contoh 26 : Tiada cara yang lebih baik, ‘adopt’ sahajalah.

Contoh 25 dan 26 menunjukkan kaedah termudah untuk mendapatkan istilah dalam bahasa Melayu, iaitu melalui istilah pinjaman. Dengan cara ini ia lebih **menjimatkan masa dan tiada cara yang lebih baik**.

Ungkapan **menjimatkan masa** dalam Contoh 25 menunjukkan responden yang bertugas sebagai penterjemah sangat berkira dengan masa, kerana banyak persoalan bahasa yang lain yang perlu diambil kira dalam terjemahan. Yang penting ialah hasil terjemahan, bukan istilah yang menjadi ukuran.

5.2 Penyebaran yang Meluas

Contoh 27 : Walaupun boleh diganti dengan perkataan lain dalam bahasa Melayu tetapi perkataan ini telah digunakan dengan meluas.

Contoh 27, menunjukkan faktor penyebaran istilah pinjaman dalam kalangan masyarakat pengguna merupakan aspek yang penting mengapa responden **memihak** kepada bentuk istilah pinjaman. Walaupun responden memang sedar akan kehadiran istilah dalam bahasa Melayu, tetapi kerana istilah pinjaman itu yang lebih meluas penggunaannya, maka istilah bentuk pinjaman itulah yang digunakan.

5.3 Memperbesar Leksikon Melayu

Langkah mengambil bentuk istilah pinjaman dianggap sebagai

tambahan kepada istilah dalam bahasa Melayu. Biasanya taraf istilah pinjaman dan istilah Melayu ini merupakan istilah yang sinonim. Kesinoniman ini walaupun daripada dua bahasa yang berlainan rumpun tetap dapat diterima oleh responden. Buktinya pada contoh-contoh di bawah ini.

Contoh 28 : Baik, tambahan kepada perkataan lain dalam bahasa Melayu.

Contoh 29 : Jadikan istilah-istilah Inggeris ini sebagai perkataan Melayu dan masukkan ke dalam kamus dengan memberi penerangan. Kebanyakan orang boleh faham.

Contoh 28 dan 29, menunjukkan istilah bentuk pinjaman telah dianggap sebagai istilah Melayu juga. Walaupun bentuknya telah mengalami penyesuaian, namun ia tetap diterima sebagai istilah Melayu dan merupakan tambahan kepada istilah yang sedia ada dalam bahasa Melayu. Saranan untuk mendokumentasikan istilah pinjaman dalam kamus dengan segera dalam Contoh 29 merupakan usaha untuk mengiktiraf istilah pinjaman sebagai istilah Melayu dan merupakan sebahagian daripada perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu.

Pengubahsuaian istilah ini menunjukkan bahasa yang meminjam sebagai contoh bahasa yang bertenaga. Ini diakui sendiri oleh responden penutur asing bahasa Melayu seperti di bawah ini.

Contoh 30 : Jika ada kecenderungan untuk mengubahsuaikan dengan bahasa masing-masing daripada itu, ini menunjukkan bahasa itu cukup kuat, sihat dan baik.

Contoh 30, jelas menunjukkan istilah yang telah mengalami pengubahsuaian itu membuktikan bahasa yang meminjam mengambil usaha untuk menjadikan istilah-istilah yang dipinjamnya sebagai istilah sendiri pada satu hari nanti. Usaha ini adalah bukti bahasa Melayu merupakan bahasa yang dinamik.

5.4 Bentuk yang Lebih Ringkas

Contoh 31 : Ia mesti ringkas dan senang disebut. Orang minat yang ringkas-ringkas, senang nak ikut.

Istilah bentuk pinjaman lebih ringkas daripada istilah yang diterjemahkan seperti pada Contoh 31. Ungkapan **ringkas** jelas

menunjukkan kriteria utama yang harus ada pada istilah. Oleh sebab istilah bentuk pinjaman biasanya lebih ringkas jika dibandingkan dengan bentuk terjemahannya, maka responden telah memilih untuk **memihak kepada istilah bentuk pinjaman** ini.

5.5 Kata daripada Dialek dan Bahasa Serumpun Tidak Menarik dan Tidak Sesuai

Kata daripada dialek atau bahasa serumpun dengan bahasa Melayu seperti bahasa Jawa, Iban dan Minangkabau dapat dijadikan istilah seperti yang disarankan oleh *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia* (DBP:1992). Tetapi responden **tidak berpihak** kepada kata dialek atau kata serumpun ini. Ini dibuktikan pada Contoh 32, 33, 34 di bawah ini.

Contoh 32 : Ia tidak menarik dari segi struktur, bunyi dan kadangkang maknanya juga tidak sesuai.

Contoh 33 : Kata daripada dialek hanya mengelirukan sahaja.

Contoh 34 : Berapa pakarlah yang tahu bahasa-bahasa serumpun itu.

Contoh 32, 33 dan 34 jelas menunjukkan responden **tidak memihak** kepada kata daripada sumber sendiri, tetap **memihak** pada bentuk yang lain, yakni bentuk pinjaman. Kata daripada dialek dikatakan **tidak menarik** seperti pada Contoh 32 dan dikatakan juga hanya mengelirukan seperti pada Contoh 33. Contoh 34 pula menunjukkan kekurangan dari segi kuantiti, di samping kelemahan yang sedia wujud.

Jika istilah standard tidak berupaya menjadi istilah, maka responden sebenarnya **memihak kepada bentuk istilah pinjaman**, bukan mengikut langkah kedua dalam tatacara pembentukan istilah.

6. Sikap Toleransi terhadap Istilah

Berdasarkan contoh-contoh kajian, **sikap toleransi** menunjukkan ciri-ciri yang berikut:

6.1 Amalan Memberi dan Menerima

Contoh 38 : Bahasa ini mesti bersedia untuk memberi dan meminjam punlah pada mana-mana bahasa yang lain.

Contoh 38, jelas menunjukkan **sikap toleransi** perlu diamalkan oleh semua penutur bahasa. Ungkapan **bersedia untuk memberi dan meminjam** membuktikan penutur sesuatu bahasa harus **bertoleransi atau bertolak ansur** meminjam daripada bahasa lain dan pada masa yang sama merelakan unsur-unsur bahasanya dipinjam oleh bahasa lain. Bahasa yang kehilangan penuturnya atau dengan perkataan lain bahasa yang mati menunjukkan bahasa itu tidak bersedia **bertolak ansur** dengan perubahan alamiah yang berlaku. Oleh yang demikian, **sikap toleransi** harus menjadi amalan pengguna istilah seperti Contoh 39 di bawah ini.

Contoh 39 : Walaupun pada mulanya kita pinjam, maka kita hendaklah sedia bertolak ansur untuk menerimanya sebab pihak DBP sendiri tidak akan dapat mencari kata-kata Melayu dahulu.

Contoh 39, dengan jelas menghendaki **sikap toleransi** harus menjadi amalan pengguna istilah. Pengguna istilah diminta sedia berubah kepada istilah bahasa Melayu sendiri apabila usaha tersebut telah dapat dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab menyediakan korpus peristilahan itu.

Responden sedar usaha menggali daripada bahasa sendiri bukanlah usaha yang mudah dan memakan masa pula. Ungkapan **tidak akan dapat mencari kata-kata Melayu dahulu**, pada Contoh 39, membuktikan bahawa usaha mencari istilah dalam bahasa Melayu sememangnya mengambil masa yang lama. Untuk sementara itu, bolehlah digunakan istilah pinjaman, tetapi apabila usaha mencari kata dalam bahasa Melayu berhasil, responden mengharap penutur bahasa sedia bersikap toleransi terhadap istilah yang baharu itu pula.

7. Sikap Gah

Definisi **gah** dalam kamus adalah keangkuhan dan kebanggaan (*Kamus Dewan*, 1994:361). Sesuai dengan penerangan **gah** mengikut kamus, maka **sikap gah** dalam kajian ini merujuk kepada penggunaan istilah yang khusus oleh pakar bidang dan hakikat konsep ilmu kepada pakar bidang. Hanya melalui pengajaran dan pembelajaran ilmu sahaja pengguna istilah layak memahami istilah-istilah yang digunakan oleh pakar bidang. Data kajian membuktikan sikap ini.

Misalnya:

Contoh 40 : Orang awam tak faham pun tak apa.

Contoh 41 : Mereka tak faham makna profesionalisme. Mana nak sama orang yang ada latihan dengan orang yang tak ada latihan.

Contoh 42 : Ilmu jangan dimudahkan, tapi dibanyakkan lagi.

Kesimpulannya, sikap gah ialah sejenis sikap yang positif. Istilah sebagai unsur bahasa walaupun dalam bentuk kata Melayu asli atau bentuk kata pinjaman juga harus dipelajari jika kita hendak mendalami ilmu dalam bidang yang tertentu. Adanya istilah dan banyaknya istilah seharusnya tidak dianggap sebagai satu bebanan bagi pengguna istilah. Para pengguna bahasa tidak perlu mengetahui atau menggunakan istilah jika tidak berkaitan dengan bidang mereka. Yang penting penulisan tentang ilmu yang mesti diperbanyak seperti pada Contoh 42.

8. Sikap Defensif

Menurut penerangan kamus Collins (1992), '**defensive**' bermaksud mempertahankan diri untuk menutup kelemahan diri. **Sikap defensif** merujuk kepada sikap yang negatif yang cuba mengelak kebenaran untuk mempertahankan diri. Dalam hubungan ini yang **bersikap defensif** ialah badan pembinaan dan pengembangan bahasa sendiri, iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai penyelaras aktiviti penggubalan istilah sebaik-baiknya memberikan peluang kepada semua pengguna istilah melahirkan perasaan mereka terhadap istilah-istilah yang diterbitkannya. Sikap cuba mempertahankan diri terhadap semua bantahan yang digunakan oleh pengguna istilah sesungguhnya merugikan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sikap defensif dapat dibuktikan seperti contoh di bawah ini:

Contoh 43 : Tak kiralah orang tentang, protes, atau sokong. Kita mesti ada rekod apa yang berlaku supaya kita boleh buat kajian.

Contoh 44 : Kita bukan boleh puaskan semua orang.

Ungkapan **ada rekod** dan **boleh buat kajian** menunjukkan DBP perlu mempunyai semua rekod bantahan dan pujian terhadapnya supaya kajian dapat dilakukan dari semasa ke semasa. Kita tidak perlu bersikap defensif kepada pengguna istilah kerana kita tidak **boleh puaskan semua orang** seperti pada Contoh 44.

9. Sikap Menurut Bimbingan

Sikap ini ditunjukkan oleh data yang mengatakan “beri kuasa kepada mereka yang arif dan manual peristilahan yang telah ditentukan untuk menentukan ketepatan sesuatu istilah”. Oleh itu, mereka tidak berasa “bersalah” terhadap istilah yang dihasilkan. Contoh 45 dan 46 membuktikan hal ini.

Contoh 45 : Mengikut ahli bahasa yang lebih mahir tentang istilah

Contoh 46 : Pedoman istilah kata macam tu.

10. Sikap Acuh Tak Acuh

Sikap ini diberikan oleh responden yang melahirkan perasaan dan pendapat yang “tiada komen” terhadap beberapa istilah yang dikemukakan. Kemungkinan responden sememangnya tidak mempunyai sebarang pendapat pada ketika itu, enggan memberi kerjasama, kurang ambil peduli atau menganggap isu istilah ini tidak penting dan hanya membuang masa sahaja.

KESIMPULAN

Dari segi peratusan, berdasarkan 10 jenis sikap terhadap penggunaan istilah **Pengurusan Organisasi** yang telah dikenal pasti tersebut, maka dapat dibuat kesimpulan seperti yang berikut:

- (1) 10.0 peratus sikap bahasa yang memihak kepada penggunaan istilah daripada kata dalam bahasa sendiri. Ia ditandai oleh **sikap yakin terhadap bahasa sendiri**.
- (2) 60.0 peratus sikap bahasa memihak kepada unsur bahasa Inggeris sebagai istilah dalam bahasa Melayu. Ini ditandai oleh **sikap liberal terhadap kata pinjaman, sikap adaptif, sikap memihak kepada istilah pinjaman, sikap toleransi dan sikap kerdilan bahasa**.
- (3) 20.0 peratus sikap bahasa yang tidak melibatkan alasan linguistik. Ini ditandai oleh **sikap menurut bimbingan dan sikap defensif**.
- (4) 10.0 peratus sikap bahasa yang tidak ada pendapat. Ia ditandai oleh **sikap acuh tak acuh**.

PENUTUP

Dapatkan kajian membuktikan sikap-sikap yang memihak kepada istilah pinjaman, bahasa Inggeris, sedangkan buku **Pedoman Umum Pem-**

bentukan Istilah Bahasa Melayu pula mencadangkan penggunaan istilah pinjaman bahasa Inggeris, merupakan cadangan yang terakhir dalam proses pembentukan istilah. Prosedur memilih kata daripada dialek dan bahasa serumpun tidak menjadi pilihan pengguna.

Oleh yang demikian, jika jati diri Melayu, hendak dipertahankan, yakni dengan pengambilan istilah-istilah dalam bahasa Melayu, maka tanggung-jawab menggali kata-kata dari dalam bahasa sendiri ini perlu diperhebat lagi.

Kajian juga menunjukkan bahawa sama ada sesuatu istilah itu kata pinjaman daripada bahasa Inggeris atau kata dari dalam bahasa Melayu sendiri (seperti yang ditunjukkan pada Contoh 42), bukan menjadi masalah, kerana yang lebih pentingnya ialah penulisan tentang ilmu yang harus diperbanyak. Maka, dengan ini sudah tentu keperluan terhadap istilah tidak kira sama ada ia istilah pinjaman atau sebaliknya menjadi kenyataan. Penggunaan istilah dalam wacana ilmu ini merupakan cabaran kepada pakar bidang menulis dalam bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Ahmad Atory Hussain, 1991. *Pengurusan Organisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar, 1983. *Perkembangan Bahasa Malaysia dan Falsafah Pembinaannya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar, 1985. *Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khusus kepada Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1992. *The Linguistic Scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1993. "Attitudes at Work". Kertas kerja dalam Seminar Secretary Week. Johor Bahru, April 1993.
- Asmah Haji Omar, "Language Planning and Image Building: The Case of Malay in Malaysia" dlm. *International Journal of The Sociology of Language* 10:130, hlm. 44–65, 1998.
- Berita Peristilahan Bil. 17*, Disember 1998. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins Cobuild, 1992. *English Language Dictionary*. London: Harper Collins Publishers.
- Fasold, Ralph, 1984. *Sociolinguistics of Society*. Basil Blackwell Publisher Limited: England.
- Kamus Dewan*, 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.